

Malaysia
Think
Tank
London

SIRI WACANA MALAYSIA:
KEBEBASAN, PERLEMBAGAAN DAN ISLAM

WAN SAIFUL WAN JAN
DATO KAMARUDDIN JAFFAR
TRICIA YEOH
KHOO KAY PENG

RISALAH 1

SIRI WACANA MALAYSIA

KEBEBASAN, PERLEMBAGAAN DAN ISLAM

OLEH

WAN SAIFUL WAN JAN

DENGAN ULASAN OLEH:

DATO KAMARUDDIN JAFFAR

TRICIA YEOH

KHOO KAY PENG

Diterbitkan oleh Malaysia Think Tank, London.
© Malaysia Think Tank London 2007

Hakcipta terpelihara. Kandungan dokumen ini tidak boleh disalin, disimpan, diedarkan atau dicetak untuk tujuan dagangan dengan apa-apa cara (elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau apa-apa jua cara lain) tanpa kebenaran bertulis Malaysia Think Tank London

Malaysia Think Tank London
Suite 112,
456 – 458 Strand,
London WC2R 0DZ
United Kingdom

Web: www.malaysiathinktank.org
Email: info@malaysiathinktank.org

Semua pendapat yang dinyatakan dalam dokumen ini adalah pandangan peribadi penulis.

KANDUNGAN

	Muka surat
Kata Pengantar.....	3
Biografi Penulis.....	6
Ke Arah Perlembagaan Yang Memerdekakan..... <i>Wan Saiful Wan Jan</i>	9
Jangan Nafikan Peranan Tuhan..... <i>Dato Kamarudin Jaffar</i>	25
Pelanggaran Perlembagaan: Demokrasi Dipermainkan.... <i>Tricia Yeoh</i>	31
Rakyat Mesti Membuat Pilihan..... <i>Khoo Kay Peng</i>	39

KATA PENGANTAR

Debat intelektual yang rasional amat penting dalam usaha mewujudkan demokrasi yang mantap. Dengan keyakinan ini, Malaysia Think Tank London melancarkan risalah **Siri Wacana Malaysia** (*Malaysia Discourse Series*) yang merakamkan pendapat dan pandangan membina mengenai Malaysia.

Pelancaran risalah pertama dalam **Siri Wacana Malaysia** ini juga bertepatan dengan sambutan 50 tahun kemerdekaan negara kita. Dalam kita mengimbuai apa yang telah berlaku sepanjang 50 tahun lalu, kita juga perlu sama-sama berusaha membentuk Malaysia 50 tahun akan datang. **Siri Wacana Malaysia** ini diharap akan memberi sumbangan ke arah Malaysia yang maju, berdaya saing dan bersatu.

Risalah-risalah yang diterbitkan dalam **Siri Wacana Malaysia** menggunakan konsep perbincangan yang rasional. Satu artikel utama akan menggariskan beberapa isu pokok, dan artikel utama ini kemudiannya dibincangkan secara rasional oleh beberapa pengulas dan penganalisis yang berkemahiran.

Dalam risalah pertama ini, Wan Saiful Wan Jan membentangkan beberapa cadangan untuk memastikan Perlembagaan negara kita serasi dengan prinsip-prinsip kebebasan kerana prinsip-prinsip tersebut, pada pandangan beliau, adalah dituntut oleh Islam. Bagi beliau, tidak ada pertembungan antara sistem yang dibawa oleh Islam dengan sistem demokrasi liberal yang tulen.

Ulasan Dato' Kamarudin Jaffar jelas membayangkan pengalaman beliau dalam politik dan juga sebagai ahli Parlimen. Penglibatan beliau dalam politik bermula dengan UMNO dan seterusnya kini dalam PAS memberi beliau kebolehan yang unik untuk melihat daripada sudut yang berbeza. Dalam ulasan beliau, Dato Kamarudin melahirkan kebimbangan sekiranya Islam disamakan dengan liberalisme klasik secara mutlak. Menurut beliau, dalam suasana politik Malaysia, kita tidak boleh menolak pengaruh agama dan konsep ketuhanan.

Tricia Yeoh pula menyatakan betapa pentingnya kita sama-sama berusaha mempertahankan semangat kebebasan dan keadilan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Beliau melahirkan kekesalan kerana terdapat beberapa akta yang jelas bertentangan dengan semangat asal Perlembagaan Persekutuan. Tricia menyeru agar rakyat Malaysia berusaha memastikan prinsip-prinsip asas demokrasi terus dipertahankan.

Khoo Kay Peng seterusnya menyatakan bahawa banyak perbezaan pandangan sebenarnya boleh diselesaikan sekiranya rakyat Malaysia yang pelbagai kaum berdialog antara satu sama lain. Malangnya, dialog terbuka kerap kali terhalang kerana terdapat segelintir ahli politik yang suka menggunakan isu perkauman apabila perkara-perkara 'sensitif' ditimbulkan. Kay Peng bersetuju bahawa agama memainkan peranan penting dalam kehidupan rakyat Malaysia. Tetapi beliau bimbang apabila ada usaha untuk menjadikan agama tertentu lebih tinggi daripada agama lain. Beliau mengajak rakyat Malaysia untuk berusaha hidup bersama dengan harmoni supaya 50 tahun lagi Malaysia tidak menjadi koloni-koloni bangsa yang terpisah.

Semua penulisan dalam risalah ini menunjukkan bahawa prinsip-prinsip agama memang boleh diamalkan dalam mentadbir Malaysia selagi mana pemerintah menerima hakikat bahawa rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai agama dan ada juga yang tidak berpegang dengan mana-

mana agama. Dalam memastikan tidak ada rakyat yang ditindas, pemerintah mestilah mengambil kira pandangan semua pihak. Pemerintah tidak boleh memaksa rakyat menerima sesuatu fikrah tertentu kerana itu akan menghapuskan legitimasi pemerintah berkenaan, dan juga bertentangan dengan prinsip kebebasan yang termaktub dalam Perlembagaan kita sekarang. Paksaan juga bertentangan dengan ajaran agama.

Selain itu, terdapat juga beberapa perkara lain yang perlu cuba dilaksanakan dalam rangka menghormati anugerah akal fikiran yang diberikan oleh Pencipta kepada makhluk-Nya, seperti yang dinyatakan dalam artikel utama risalah ini. Bagaimanapun, seperti yang dinyatakan oleh Khoo Kay Peng dalam ulasan penutup beliau, rakyatlah yang sebenarnya perlu membuat pilihan. Pilihan rakyatlah yang akan menentukan corak Malaysia 50 tahun lagi.

Malaysia Think Tank London mengucapkan terima kasih kepada semua penulis yang menyumbang ke arah penerbitan risalah ini.

Malaysia Think Tank London menerbitkan risalah ini sebagai satu sumbangan terhadap perbahasan mengenai hala tuju Malaysia. Sama seperti lain-lain bahan terbitan Malaysia Think Tank London, semua pandangan yang dikemukakan dalam laporan ini adalah pandangan penulis dan tidak melambangkan pandangan korporat Malaysia Think Tank London, mana-mana ahli Lembaga Penasihat Antarabangsa, atau pengurusannya.

Malaysia Think Tank London amat mengalu-alukan sebarang pandangan dan maklumbalas. Sila hantarkan komen anda melalui email kepada: info@malaysiathinktank.org

Ogos 2007

www.malaysiathinktank.org

BIOGRAFI PENULIS

Wan Saiful Wan Jan ialah Ketua Pengarah Malaysia Think Tank London. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur, dan kemudian Tonbridge School, England. Beliau kemudian melanjutkan pengajian di Universiti of Liverpool, Northumbria University dan Middlesex University Business School, London. Beliau pernah berkhidmat di Jabatan Penyelidikan Parti Konservatif Britain dan juga Commonwealth Policy Studies Unit, sebuah badan pengkaji polisi untuk 53 negara Komanwel yang berpusat di London.

Dato Kamarudin Jaffar ialah Ahli Parlimen Tumpat, Kelantan, dan Setiausaha Agung Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Beliau menerima pendidikan awal di Kolej Melayu Kuala Kangsar, sebelum melanjutkan pelajaran ke United Kingdom di University of Kent dan University of London. Beliau memulakan kerjaya politik dalam Pergerakan Pemuda UMNO dan pernah menjadi EXCO Pemuda UMNO Malaysia. Beliau pernah bertugas sebagai Penolong Setiausaha Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri, dan Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri Malaysia (1986 - 1991).

Tricia Yeoh ialah *Senior Research Analyst* di Centre for Public Policy Studies, ASLI, Kuala Lumpur. Kerjaya beliau membabitkan pengkajian sosio-ekonomi dan politik, dialog mengenai polisi, dan juga dialog antara agama. Tricia ingin melihat rakyat Malaysia menjadi matang dan bersatu dalam rangka mencapai matlamat bersama demi kebaikan negara. Tricia berkelulusan BA (Hons) *Econometrics* dan MSc *Research Methods in Psychology*.

Khoo Kay Peng ialah Pengarah Eksekutif *Socio-Economic Development and Research Institute* (Institut SEDAR, www.sedar.org.my), sebuah badan pengkaji yang berusaha mewujudkan masyarakat yang adil dan sejahtera di Malaysia. Beliau memperolehi ijazah dalam bidang ekonomi daripada Universiti Malaya. Beliau kemudian menyambung pengajian peringkat sarjana dalam bidang Perhubungan Antarabangsa di University of Warwick, United Kingdom, sebagai Chevening Scholar. Khoo mempunyai pengalaman luas sebagai penasihat korporat dan juga sebagai penganalisis politik dan polisi bebas. Sebagai seorang Anak Malaysia, beliau ingin melihat lahirnya sebuah 'masyarakat Malaysia' yang tulin dan juga tadbir urus yang baik.

KE ARAH PERLEMBAGAAN YANG MEMERDEKAKAN¹.

Wan Saiful Wan Jan

The concomitants of good rulership are kindness to, and protection of, one's subjects. The true meaning of royal authority is realized when the ruler defends his subjects. To be kind and beneficent towards them is part of being mild to them and showing interest in the way they live. These things are important for the ruler in gaining the love of his subjects.

Ibn Khaldun in The Muqaddimah
(translated by F Rosenthal (2005) p. 153)

Man is born free, and everywhere he is in shackles.

Jean Jacques Rousseau

Muqaddimah

Islam sebagai sebuah cara hidup yang lengkap membawa bersamanya satu falsafah pentadbiran negara yang sempurna. Antara falsafah penting dalam urusan pentadbiran

¹ Penulis mengucapkan terima kasih kepada Dr John Meadowcroft kerana membenarkan artikel asal beliau, *A Constitution of Liberty*, yang diterbitkan dalam buku *Towards a Liberal Utopia?* (2005) keluaran Institute of Economic Affairs, London, diterjemahkan dan diolah semula menjadi artikel ini.

negara berteraskan Islam ialah rakyat dibebaskan daripada terpaksa tunduk kepada kuasa pemerintah yang berlebihan. Sistem pentadbiran berasaskan Islam seharusnya memastikan bahawa manusia tidak dipaksa untuk tunduk kepada sesama manusia.

Falsafah ini dapat dilihat dengan jelas jika kita meneliti satu peristiwa yang berlaku pada zaman keunggulan Islam. Rub'iy bin Amir, salah seorang panglima tentera Islam, ketika bertemu dengan panglima tentera Parsi Jeneral Rustum, Rub'iy berkata:

"Kami datang untuk membebaskan manusia daripada perhambaan sesama manusia supaya mereka menjadi hamba kepada Allah sahaja, mengeluarkan manusia dari kesempitan dunia kepada kelapangan dunia dan akhirat, dan membebaskan manusia daripada kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam"

Artikel ini akan cuba menterjemahkan prinsip "membebaskan manusia daripada perhambaan sesama manusia" kepada satu kerangka umum perlembagaan negara yang liberal², berteraskan falsafah kebebasan dan keadilan yang diajar oleh Islam.

Peranan perlembagaan

Perlembagaan sesebuah negara berperanan sebagai undang-undang asas yang menjadi garispanduan pembangunan masyarakat. Perlembagaan yang baik mestilah tidak memaksa rakyat untuk menerima satu-satu fahaman sahaja.

2 Konsep 'liberalisme' yang dimaksudkan dalam artikel ini merujuk kepada liberalisme klasik yang dipopularkan pada abad ke-19 di benua Eropah. Liberalisme klasik mengutamakan kebebasan dan tanggungjawab peribadi, serta sistem pasaran dalam bidang ekonomi dan masyarakat sivil. Liberalisme dalam konteks ini berbeza dengan liberalisme dalam politik Amerika yang biasanya bermaksud golongan pertengahan kiri. Di Amerika, konsep yang paling hampir dengan liberalisme klasik ialah libertarianisme.

Ia seharusnya memperakui hak rakyat untuk berbeza pandangan dan sikap dalam pelbagai perkara.

Memang ada negara yang perlembagaannya memaksa rakyat menerima dan mengikut fahaman atau tafsiran nilai etika yang dibenarkan oleh pemerintah sahaja. Di negara-negara komunis contohnya, rakyat yang menentang komunisme hampir pasti akan menghadapi ancaman pihak berkuasa. Perlembagaan autoritarian merupakan ciri biasa dalam sistem pentadbiran yang dipengaruhi komunisme dan sosialisme.

Bertentangan dengan perlembagaan yang berteraskan sosialisme atau komunisme, perlembagaan yang berteraskan Islam pasti akan membolehkan setiap individu rakyat secara suka rela memainkan peranan masing-masing dalam mencaturkan arus pembangunan negara. Perlembagaan yang berteraskan Islam akan membebaskan rakyat daripada perhambaan sesama manusia, dan memberikan kembali tanggungjawab peribadi kepada rakyat agar mereka bebas membuat pilihan sendiri dalam mengharungi kehidupan seharian.

Berdasarkan falsafah Islam "membebaskan manusia daripada perhambaan sesama manusia", maka perlembagaan yang baik pasti akan menghormati hak-hak rakyat dalam negara tersebut, dan tidak cuba memaksa rakyat memperhambakan diri mereka kepada ideologi pemerintah.

Perlembagaan yang berteraskan Islam tidak akan membenarkan manusia yang diangkat sebagai pemerintah bertindak seolah-olah mereka merupakan tuhan yang berkuasa mengawal segala-galanya. Perlembagaan berteraskan Islam akan memastikan pemerintah hanya boleh bertindak dalam perkara-perkara yang perlu sahaja.

Dalam kata lain, untuk membolehkan rakyat benar-benar bebas daripada perhambaan sesama manusia, maka perlembagaan yang berteraskan Islam mestilah menghadkan

kuasa pemerintah. Islam menuntut wujudnya sebuah kerajaan terhad (limited state)

Dengan itu, mana-mana pihak yang mahu mewujudkan sebuah Perlembagaan yang berteraskan Islam mestilah berusaha mewujudkan sebuah kerajaan terhad. Semua institusi pemerintahan yang diwujudkan mestilah dengan tujuan untuk memastikan falsafah ini terlaksana. Artikel ini selanjutnya akan membicarakan mengenai institusi-institusi yang diperlukan untuk membolehkan matlamat ini dicapai dalam konteks Malaysia.

Melindungi wibawa perlembagaan dan keluhuran undang-undang

Sistem demokrasi berparlimen dan juga sistem pilihanraya yang diamalkan di Malaysia memberi kuasa kepada parti yang mendapat bilangan kerusi terbanyak mengambil alih tampuk pemerintahan. Oleh kerana parti pemerintah berkuasa membuat apa-apa sahaja undang-undang yang mereka mahu, maka Malaysia terdedah kepada bahaya tirani majoriti (majoritarian tyranny). Dalam situasi sedemikian, penting untuk diwujudkan institusi-institusi lain untuk mempertahankan kewibawaan dan semangat perlembagaan. Institusi kehakiman dan parlimen mempunyai peranan yang amat penting dalam perkara ini.

Untuk memastikan sistem kehakiman boleh memainkan peranan ini dengan adil dan telus, para hakim mestilah mempunyai sepenuh kuasa untuk menentukan sama ada undang-undang atau akta-akta yang diluluskan oleh parlimen adalah ultra vires terhadap perlembagaan. Di samping itu, perlantikan para hakim juga mestilah bebas daripada pengaruh politik.

Kuasa parlimen pula boleh diperkukuhkan dengan cara mewajibkan pihak eksekutif merujuk terlebih dahulu kepada parlimen sebelum membuat keputusan-keputusan yang besar. Sebarang dasar yang mempunyai impak terhadap

Perlembagaan contohnya mestilah dibahaskan oleh parlimen terlebih dahulu. Demikian juga dalam isu perlantikan jawatan penting seperti Ketua Hakim Negara. Nasihat yang diberikan oleh Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agong perlu mendapat persetujuan parlimen dahulu. Parlimen juga perlu menubuhkan Jawatankuasa Terpilih (Select Committee) yang benar-benar berkemampuan untuk menilai keputusan dan tindakan kabinet.

Mengurangkan bilangan akta

Penghapusan “perhambaan sesama manusia” juga boleh difahami sebagai menghapuskan tirani pemerintah yang terlalu berkuasa. Ini boleh dicapai sekiranya perlembagaan dengan jelas menghadkan kuasa pemerintah untuk mencipta akta-akta baru. Perlembagaan juga mestilah membuka ruang agar semua akta-akta lama boleh dinilai semula berdasarkan perkembangan semasa. Ini boleh dicapai melalui dua langkah berikut:

Pertama, perlembagaan mestilah dengan jelas menyatakan bahawa pemerintah tidak boleh mendiskriminasi rakyat berdasarkan keturunan, bangsa, agama, jantina, fahaman politik, dan sebagainya. Sebarang akta atau polisi yang mendiskriminasi mestilah dihapuskan sama sekali. Sekiranya wujud sebarang akta atau polisi yang mendiskriminasi, maka ia mestilah dianggap terbatal dengan sendirinya kerana bertentangan dengan perlembagaan. Dengan itu tidak wujud lagi isu sesuatu bangsa atau agama yang lebih tinggi atau lebih istimewa daripada yang lain.

Kedua, perlembagaan perlu menyatakan bahawa semua akta yang diluluskan oleh parlimen akan terbatal dengan sendirinya selepas lima tahun, atau sekurang-kurangnya mempunyai ‘sunset clause’ yang jelas. Ini kerana sesuatu akta biasanya diluluskan berdasarkan situasi semasa pada masa itu. Peredaran zaman pasti merubah suasana negara dan akta yang diluluskan bertahun-tahun yang lalu mungkin sudah tidak relevan lagi. Jika sesuatu akta masih perlu dan

mahu diteruskan, maka parlimen mestilah membahaskannya dan meluluskannya semula. Ini akan membuka ruang untuk akta-akta berkenaan dikemaskini sesuai dengan peredaran zaman.

Contohnya, sewaktu Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) diwujudkan, tujuan asal akta tersebut ialah untuk menghapuskan ancaman komunis. Ancaman tersebut kini tidak lagi wujud. Sekiranya perlembagaan menetapkan bahawa semua akta akan terbatal dengan sendirinya selepas lima tahun, maka akta-akta yang sudah tidak relevan seperti ISA tidak boleh disalahgunakan oleh pemerintah. Undang-undang negara juga akan menjadi lebih dinamik dan terkini, serta tidak terbelenggu dengan acuan yang telah berusia puluhan tahun.

Memperluas kuasa Dewan Undangan Negeri

Satu konsep penting yang perlu dipelopori dalam usaha untuk benar-benar menghayati falsafah "membebaskan manusia daripada perhambaan sesama manusia" ialah konsep memaksimumkan devolusi atau desentralisasi kuasa kepada Dewan-Dewan Undangan Negeri. Desentralisasi kuasa mestilah menjadi tunggak utama dalam perlembagaan.

Desentralisasi kuasa membawa maksud memberi kebebasan semaksima mungkin kepada Dewan-Dewan Undangan Negeri untuk memutuskan corak perkhidmatan awam yang diberikan kepada rakyat negeri berkenaan. Contohnya, peranan Jabatan Perkhidmatan Awam di peringkat nasional boleh diperkecilkan dan, sebanyak mungkin, semua kakitangan kerajaan diletakkan di bawah seliaan kerajaan-kerajaan negeri.

Sistem pendidikan, kesihatan, pengangkutan, dan sebagainya akan diselia oleh kerajaan negeri, bukan kerajaan pusat. Kerajaan pusat akan hanya mengambil

peranan tertentu seperti hubungan antarabangsa, dan pertahanan sahaja.

Hakikatnya, desentralisasi kuasa bukan konsep yang asing bagi umat Islam. Apabila Rasulullah (saw) hendak mengutuskan Muaz ke negeri Yaman, Baginda (saw) bertanya "Wahai Muaz! Sekiranya ada apa-apa masalah, bagaimanakah kamu akan menyelesaikannya?" Muaz menjawab: "Dengan al-Quran." Rasulullah (saw) bertanya lagi: "Kalau tidak ada di dalam al-Quran?" Muaz menjawab: "Dengan ajaran Rasulullah." Rasulullah (saw) bertanya lagi: "Kalau tidak ada di dalam ajaranku dan berlaku masalah baru, bagaimana pula?" Muaz menjawab: "Saya akan berijtihad, mengkaji dan meneliti perkara berkenaan. Saya akan memberi pendapat saya yang tidak keluar daripada petunjuk Allah dan Sunnah Rasulullah." Lalu baginda SAW menepuk bahu Muaz dan bersabda yang bermaksud: "Segala puji bagi Allah, Tuhan yang telah memberi petunjuk kepada utusan Rasulullah, apa yang diredhai oleh Rasulullah."

Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa apabila seseorang individu dilantik untuk menjalankan urusan, maka individu tersebut diberi amanah sepenuhnya untuk membuat keputusan. Dalam hadis di atas, Muaz tidak menjawab bahawa dia akan sentiasa bertanya kepada Rasulullah (saw) apabila berhadapan dengan sesuatu perkara baru. Tetapi, Muaz dengan penuh yakin mengatakan bahawa dia akan membuat keputusan sendiri berdasarkan prinsip-prinsip yang telah digariskan oleh Al-Quran dan Hadis.

Maka, perlembagaan yang berteraskan Islam juga mestilah memberi kepercayaan dan hak kepada mereka yang mentadbir sesebuah negeri untuk mentadbir dan membuat keputusan sendiri mengenai apa yang terbaik untuk negeri mereka. Yang pasti, kerajaan negeri Johor lebih mengetahui apa yang lebih baik untuk rakyat Johor berbanding ahli Parlimen di Kuala Lumpur atau eksekutif di Putrajaya. Maka sudah tentu lebih adil jika kuasa membuat keputusan

mengenai Johor diberikan sepenuhnya kepada mereka yang dilantik oleh rakyat Johor sendiri.

Malaysia sebenarnya pernah melihat bagaimana semangat desentralisasi yang diajar oleh Islam telah cuba dipraktikan oleh kerajaan PAS di Kelantan dan Terengganu. Dalam merangka Enakmen Kanun Jenayah Syariah mereka, kedua-dua kerajaan negeri tersebut telah mewujudkan jawatankuasa penggubal tersendiri. Mereka tidak menggunakan acuan tertentu yang ditentukan oleh "pihak atasan". Malahan, jika diteliti, Enakmen Kanun Jenayah Syariah Terengganu mempunyai beberapa perbezaan berbanding Kelantan. Kepelbagaian tafsiran seperti inilah yang akan membuka ruang untuk sesebuah negeri bersaing dengan negeri lain dalam usaha memastikan rakyat negeri mereka hidup sejahtera.

Sekiranya perbezaan tafsiran boleh diterima dalam sistem jenayah syariah, pasti lebih mudah untuk kita menerima perbezaan dalam akta-akta atau sistem-sistem lain. Maka, selain daripada beberapa perkara yang memang perlu pengurusan daripada kerajaan pusat, seperti dasar luar negara, pertahanan dan rangkaian pengangkutan merentas negeri, kerajaan negeri mestilah diberikan kuasa yang lebih luas untuk mentadbir negeri mereka berdasarkan kehendak dan kesesuaian negeri itu sendiri, bukan berdasarkan diktat daripada kerajaan pusat.

Untuk membolehkan kerajaan negeri memberikan perkhidmatan bermutu tinggi kepada rakyat negeri mereka, kerajaan negeri mestilah mempunyai sumber pendapatan yang cukup. Oleh itu, perlembagaan mestilah turut memberi hak kepada kerajaan negeri untuk memperolehi pendapatan yang lebih tinggi daripada sistem percukaaian. Ada dua perkara yang boleh dilaksanakan: (1) kerajaan negeri diberikan peratusan yang lebih tinggi daripada hasil kutipan cukai diperingkat pusat, dan / atau (2) kadar cukai kerajaan pusat diturunkan manakala kerajaan negeri

dibenarkan menetapkan kadar cukai mereka sendiri sebagai tambahan.

Sekiranya kerajaan negeri diberikan peratusan yang lebih tinggi, maka perubahan yang diperlukan ialah dari segi pembahagian pendapatan negara antara pusat dan negeri. Dengan itu, rakyat akan tetap membayar jumlah cukai yang sama, tetapi pendapatan kerajaan negeri akan bertambah manakala pendapatan kerajaan pusat pula berkurang.

Membenarkan kerajaan negeri menentukan kadar cukai mereka sendiri pula akan menghasilkan satu keadaan di mana kadar cukai di negeri A mungkin berbeza berbanding negeri B. Ini membolehkan rakyat menilai sendiri kerajaan negeri mana yang memberikan nilai terbaik untuk setiap ringgit yang mereka kutip. Kerajaan negeri juga akan terpaksa memastikan mereka memberikan value for money kerana rakyat kini boleh membandingkan prestasi kerajaan negeri mereka berbanding negeri-negeri lain. Situasi ini akan turut melahirkan persaingan sihat antara parti-parti politik untuk menawarkan perkhidmatan terbaik dengan kos paling rendah kepada pengundi di negeri tersebut.

Jika kebanyakan perkhidmatan awam disediakan oleh kerajaan negeri seperti yang dicadangkan oleh artikel ini, maka kerajaan pusat sebenarnya tidak lagi memerlukan pendapatan yang tinggi. Dengan itu, sistem percukaian memang pun wajar untuk dirobah dan kerajaan negeri dibolehkan mendapat pendapatan yang lebih tinggi.

Kuasa yang diturunkan kepada kerajaan negeri untuk menggubal undang-undang, menyediakan kebanyakan perkhidmatan awam, dan menerima jumlah cukai yang lebih tinggi akan melahirkan satu situasi yang mana rakyat boleh menilai kerajaan negeri mana yang benar-benar menjaga dan melindungi hak dan kebebasan rakyat. Rakyat akan bebas memilih negeri mana yang lebih sesuai dengan keperluan hidup mereka. Jika cukai terlalu tinggi di negeri A, maka rakyat boleh berpindah ke negeri B. Jika rakyat tidak

suka sistem undang-undang di negeri C, mereka boleh berpindah ke negeri D. Dan jika negeri X gagal menguruskan sistem pendidikan dengan baik, maka rakyat boleh berpindah ke negeri Y. Paling penting, rakyat juga tidak lagi terbelenggu dengan ikatan perundangan atau ikatan sistem yang mereka tidak redhai. Devolusi kuasa akan memberi kebebasan kepada rakyat untuk memilih sistem yang paling sesuai dengan gaya hidup mereka.

Pemisahan kuasa

Dalam konteks pemisahan kuasa, sistem demokrasi berparlimen yang digunapakai di Malaysia melahirkan satu situasi yang agak "kelabu". Badan eksekutif (kabinet) dipilih oleh Perdana Menteri daripada badan legislatif (parlimen). Manakala penjawat jawatan tertinggi dalam badan kehakiman pula dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong berdasarkan nasihat Perdana Menteri (yang mesti diterima oleh Agong). Garis pemisah antara kuasa parlimen, kabinet dan mahkamah adalah agak "kelabu".

"Kekelabuan" ini menyebabkan kabinet menjadi amat berkuasa. Mereka mendominasi agenda parlimen, dan menentukan siapa yang akan menafsir akta-akta yang mereka luluskan di Parlimen. Memang benar bahawa sistem parlimen Westminster yang kita warisi daripada British memberikan kuasa yang besar kepada Perdana Menteri. Tetapi, evolusi sistem berparlimen di Malaysia telah melahirkan satu situasi yang mana instituti parlimen kita semakin lemah dan sistem kehakiman juga kelihatan kurang bertenaga.

Jika perlembagaan meletakkan dengan jelas had kuasa parlimen dan kabinet, dan perlembagaan juga mempertegas prinsip desentralisasi kuasa kepada kerajaan negeri, satu sempadan yang lebih jelas akan dapat diletakkan di sekitar kuasa eksekutif. Ini akan diperkemaskan lagi dengan kuasa mahkamah untuk menilai sama ada sesuatu undang undang yang diluluskan oleh parlimen adalah ultra vires kepada

perlembagaan atau tidak. Pengukuhan instituti parlimen juga akan membantu menghadkan kuasa eksekutif.

Walaupun pemisahan kuasa yang benar-benar tulin mungkin sukar untuk diwujudkan, cadangan-cadangan di atas akan meletakkan had yang sesuai kepada kuasa kerajaan pusat.

Raja berperlembagaan

Malaysia bernasib baik kerana mempunyai sistem Raja berperlembagaan yang masih dipraktikkan hingga sekarang. Kewujudan institusi Raja-Raja memberikan rakyat satu platform ketaatan yang bebas daripada pengaruh politik. Hubungan antara DYMM Raja-Raja dengan angkatan tentera, pertubuhan kebajikan, dan pertubuhan kebudayaan juga memastikan badan-badan ini berkhidmat untuk rakyat tanpa mengira fahaman politik. Sekiranya berlaku sesuatu keperluan, maka DYMM Raja-Raja boleh memainkan peranan penting memastikan ahli-ahli politik tidak melampaui batasan kuasa mereka.

Adalah amat penting agar status Raja berperlembagaan yang diamalkan sekarang diteruskan. Berdasarkan perlembagaan, DYMM Raja-Raja tidak mempunyai kuasa politik atau kuasa eksekutif dan tidak boleh mencampuri hal ehwal pentadbiran negara. Sebaliknya, DYMM Raja-Raja memainkan peranan bersifat ceremonial dan menjadi lambang keagungan adat negara dan negeri-negeri kita.

Persekutuan Tanah Melayu yang ditubuhkan pada tahun 1948 sebenarnya adalah entiti baru yang menggabungkan kesultanan-kesultanan yang telah sedia wujud sejak ratusan tahun yang lalu. Kesultanan Kedah contohnya terbentuk pada tahun 1136 dan ia mempunyai hubungkait dengan Kesultanan Melaka. DYMM Sultan-Sultan dan Raja-Raja adalah simbol kekayaan budaya dan sejarah negara kita. Desentralisasi kuasa yang dicadangkan dalam artikel ini akan membolehkan negeri-negeri terus menyumbang kepada pembangunan Malaysia sebagai sebuah negara, tetapi pada

waktu yang sama mengekalkan keunikan negeri masing-masing.

Struktur parlimen

Jika cadangan yang dinyatakan di atas diikuti, maka kerajaan pusat akan menjadi satu institusi yang tidak mempunyai kuasa terlalu besar berbanding sekarang. Kebanyakan kuasa yang dimiliki oleh kerajaan pusat kini akan diturunkan kepada negeri-negeri, dan negeri-negeri diberi hak untuk membuat perundangan berdasarkan kesesuaian rakyat masing-masing. Kerajaan pusat tidak lagi mempunyai kuasa terlalu luas untuk menafikan hak rakyat, atau menindas rakyat marhaen.

Bagaimanapun, parlimen akan terus kekal sebagai institusi utama dalam perundangan negara. Parlimen akan terus bertanggungjawab terhadap polisi-polisi utama negara termasuklah hubungan antarabangsa dan pertahanan. Parlimen juga berperanan menyelaraskan sistem pentadbiran negara secara keseluruhan, tanpa mencampuri bidang kuasa negeri. Oleh itu, struktur parlimen adalah satu perkara yang sama penting untuk dipertimbangkan dalam kita merangka perlembagaan yang adil dan saksama, berteraskan prinsip-prinsip Islam.

Perlembagaan mestilah menetapkan bahawa parlimen akan kekal mempunyai dua dewan – Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Dewan Rakyat boleh dikekalkan dengan struktur sekarang dan diperkukuhkan dengan penubuhan jawatankuasa terpilih yang berperanan meneliti dan mempersoal pihak eksekutif. Jawatankuasa-jawatankuasa terpilih ini mestilah diberi kuasa yang lebih luas untuk menjalankan tugas mereka.

Dewan Negara pula perlu diubah agar ia dapat memainkan peranan yang efektif. Reformasi yang dilakukan terhadap Dewan Negara mestilah dibuat dengan semangat untuk mengekalkan taraf Dewan Rakyat sebagai dewan yang lebih

tinggi. Dewan Negara tidak boleh menjadi saingan Dewan Rakyat. Maka, perlantikan menjadi ahli Dewan Negara tidak boleh dibuat berdasarkan pilihanraya kerana ini akan mewujudkan kekeliruan mengenai siapa sebenarnya yang mewakili suara rakyat.

Dewan Negara mesti dijadikan sebagai dewan kedua yang berperanan sebagai penilai keputusan yang diambil oleh Dewan Rakyat. Ahli-ahli Dewan Negara mestilah dilantik oleh sebuah Suruhanjaya Bebas Di-Raja yang di bentuk oleh Majlis Raja-Raja. Suruhanjaya ini mestilah dianggotai oleh perwakilan pelbagai bangsa dan mereka mestilah menjalankan tugas dengan bebas dan telus, tanpa dipengaruhi oleh kabinet. Perlantikan mestilah tidak berdasarkan keahlian parti-parti politik tertentu, tetapi berdasarkan kepakaran individu berkenaan. Mereka boleh dilantik dari kalangan tokoh-tokoh masyarakat.

Penutup

Artikel ini menggariskan beberapa perkara penting yang perlu dijadikan asas dalam menggubal sebuah perlembagaan yang membebaskan manusia daripada perhambaan sesama manusia, selaras dengan tuntutan Islam. Perlembagaan tersebut mestilah menghadkan kuasa kerajaan, agar rakyat tidak terus terbelenggu dengan rantai ciptaan manusia. Sebaliknya, rakyat akan menjadi individu-individu merdeka yang hidup aman dalam negara yang sejahtera.

Islam memerdekakan manusia daripada perhambaan sesama manusia. Sekiranya mana-mana pihak mahu membentuk sebuah kerajaan berteraskan Islam di Malaysia, mereka mestilah berpegang dengan prinsip kebebasan dan berusaha mewujudkan sebuah kerajaan terhad. Sebuah perlembagaan berdasarkan tafsiran Islam pasti akan menghasilkan sebuah kerajaan terhad yang memberi hak sepenuhnya kepada rakyat untuk menentukan pilihan mereka sendiri.

Ringkasnya, sebuah perlembagaan berdasarkan Islam pasti akan melahirkan sebuah negara liberal yang bebas dan adil. Semangat kebebasan dan keadilan inilah yang dipertegaskan dalam Pemasyhuran Kemerdekaan negara kita yang berbunyi:

“Maka, dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, saya Tunku Abdul Rahman Putra ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Perdana Menteri bagi Persekutuan Tanah Melayu, dengan persetujuan dan perkenan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Negeri-Negeri Melayu dengan ini memasyhurkan dan mengisytiharkan bagi pihak umat Persekutuan Tanah Melayu bahawa mulai Tiga Puluh Satu hari bulan Ogos Tahun Seribu Sembilan Ratus Lima Puluh Tujuh, maka Persekutuan Tanah Melayu yang mengandungi Negeri Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Perak, Melaka dan Pulau Pinang dengan limpah rahmat Allah subhanahu wa ta'ala akan kekal menjadi sebuah negara demokrasi yang merdeka dan berdaulat serta berdasarkan **kebebasan** dan **keadilan** dan sentiasa menjaga dan mengutamakan kesejahteraan dan kesentosaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan antara segala bangsa.”

Bibliografi

Harun bin Taib (1981) *Kuasa Pemerintahan Islam*. Penerbitan Institut Berakan, Kuala Terengganu, Malaysia.

Hayek, Friedrich A. (1960) *The Constitution of Liberty*. Routledge, London.

Lembaga Penyelidikan Undang-Undang Malaysia (2007) *Perlembagaan Persekutuan*. International Law Book Services. Kuala Lumpur.

Meadowcroft, John (2005) A Constitution of Liberty, dalam *Towards a Liberal Utopia?*, Philip Booth (editor). Institute of Economic Affairs, London.

Smith, Craig F. (2006) *Restoring Liberties: Five principles for a liberal constitution*. Policy Institute, Edinburgh.

Tullock, Gordon; Seldon, Arthur; Brady. Gordon L. (2000) *Government: whose obedient servant?* Institute of Economic Affairs, London.

JANGAN NAFIKAN PERANAN TUHAN

Dato Kamarudin Jaffar

Wan Saiful dalam artikel bertajuk "Ke Arah Perlembagaan Yang Memerdekakan" cuba menghuraikan pandangan beliau tentang apa yang sepatutnya menjadi pendirian utama dalam memastikan sesebuah perlembagaan itu benar-benar menepati ciri-ciri Islam.

Saya agak kurang jelas kenapa Wan Saiful memilih untuk menjadikan perlembagaan sebagai asas utama untuk membentangkan pandangan beliau ini. Sebab, adalah nyata dalam tulisan beliau ini, walaupun banyak menyebut tentang perlembagaan, tetapi tumpuan sebenar beliau adalah tentang ciri-ciri sebuah negara yang berteraskan Islam. Di bahagian awal tulisannya lagi Wan Saiful telah menyebut "Sistem pentadbiran berasaskan Islam seharusnya memastikan bahawa manusia tidak dipaksa tunduk kepada sesama manusia". Kemudian pula beliau menyebut tentang "membebaskan manusia daripada perhambaan sesama manusia".

Mungkin Wan Saiful mengaitkan pandangan beliau dengan perlembagaan kerana peranan perlembagaan sebagai "undang-undang asas yang menjadi garis panduan pembangunan masyarakat". Tetapi Wan Saiful harus ingat bahawa dalam pengalaman seluruh dunia, perlembagaan hanyalah bayangan apa yang berlaku dalam negara yang berkenaan dan bukan sebaliknya. Ertinya walau bagaimana hebat sekalipun perlembagaan itu dirangka tetapi jika

pemerintah atau rakyatnya atau mana-mana puak bersenjata menolak atau tidak menghormatinya dan oleh itu tidak melaksanakannya, maka perlembagaan itu tinggal tulisan sahaja.

Tidak salah kalau dikatakan bahawa Pakistan, Arab Saudi, malah Libya, dan beberapa negara lain mempunyai perlembagaan yang selaras dengan Islam. Tetapi jelas sekali situasi negara-negara tersebut hari ini tidak menggambarkan idealisme agama dalam perjalanan pentadbiran mereka.

Saya akui ada kes-kes tertentu yang mana perlembagaan dilihat sebagai mempunyai kesan kawalan yang ketat terhadap perjalanan negara. Ini misalnya berlaku di Turki di mana perlembagaan sekular dikatakan menghalang usaha kerajaan AKP pimpinan Recep Tayyib Erdogan daripada melaksanakan dasar-dasar Islam setelah membentuk kerajaan pada 2002. Tetapi kalau dilihat dengan lebih mendalam sedikit mungkin penghalang sebenar bukannya perlembagaan tetapi sebenarnya ugutan rampasan kuasa daripada tentera yang telah hampir seratus tahun mempertahankan sifat sekular Turki dan juga sikap majoriti rakyat yang pro sekular.

Keputusan pilihanraya Turki pada 22 Julai 2007 yang memberikan kemenangan dengan peratusan undi yang lebih besar kepada AKP akan mengukir suasana yang akan menentukan setakat mana tentera sanggup menghalang hasrat majoriti rakyat. Kalau tentera terus menggunakan kekerasan untuk kepentingan mereka maka ianya hanyalah bererti demokrasi (dan perlembagaan) sekali lagi diketepikan seperti yang berlaku di Algeria pada 1992.

Oleh itu saya yakin Wan Saiful sebenarnya melalui tajuk ini berhasrat untuk membincangkan apakah itu sistem politik Islam yang sebenarnya. Nampaknya, apabila beliau berbicara mengenai isu ini, beliau meletakkan kedudukan tertinggi kepada prinsip negara liberal yang "membebaskan manusia daripada perhambaan sesama manusia". Sebagaimana yang

diakui oleh beliau sendiri sistem Islam yang liberal ini sama dengan konsep liberalisme klasik yang “mengutamakan kebebasan dan tanggungjawab peribadi” dalam semua bidang.

Saya agak bimbang dengan persamaan yang mudah antara liberalisme dengan Islam ini. Pertama ialah kerana rujukan yang dibuat oleh Wan Saiful yang melandaskan keseluruhan penulisan beliau ini, iaitu kata-kata Rub’iy bin Amir kepada Jeneral Parsi, Rustum, yang merujuk kepada pembebasan daripada perhambaan sesama manusia kepada “menjadi hamba kepada Allah sahaja” dan “membebaskan manusia daripada kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam”.

Saya yakin kata-kata Rub’iy ini bermaksud bahawa Islam itu ada mempunyai sistem hidup yang tersendiri berbanding dengan sistem-sistem yang ada di masa itu. Dalam kata lain, Islam bukan sekadar mewujudkan satu tatacara pemerintahan yang rakyatnya bebas daripada cengkaman manusia, tetapi Islam juga menawarkan kaedah-kaedah dalam urusan hidup seperti undang-undang, politik, ekonomi dan sebagainya.

Kalau Islam sekadar dilihat sebagai satu ideologi pembebasan manusia sahaja, tidak mustahil salah satu akibatnya ialah suasana huru hara masyarakat yang berterusan disebabkan sikap manusia menafsirkan kebebasan secara mutlak. Sudah tentu ini tidaklah apa yang dikehendaki oleh Wan Saiful. Sebab itulah pendekatan yang beliau ambil ialah melalui perlembagaan. Dan apabila kita bergantung kepada perlembagaan ianya bermakna bahawa kebebasan mutlak semua pihak adalah terhad.

Selain daripada ulasan di atas saya dapat menerima pandangan Wan Saiful bahawa kerajaan Islam ialah kerajaan terhad dengan pengertian menghadkan kuasa pemerintah supaya tidak menjadi diktator dan tidak menguasai semua aspek kehidupan manusia. Walaupun demikian kita mungkin

perlu berbincang lebih lanjut lagi mengenai beberapa perkara.

Contohnya, apakah tidak wajar jika kita memberi tanggungjawab urusan kesihatan dan pendidikan kepada pemerintah supaya rakyat tidak dibebani dengan kos tinggi untuk dua keperluan hidup, malah keperluan tamadun itu? Atau adakah ini akan ditafsir oleh Wan Saiful sebagai bercanggah dengan konsep kerajaan terhad?

Begitu juga saya menyokong pandangan beliau tentang pengasingan kuasa di antara kerajaan (eksekutif), Parlimen (legislatif) dan kehakiman. Tinggal lagi nampaknya Wan Saiful lebih selesa dengan sistem ala-British (Westminster) berbanding dengan sistem Presiden ala-Amerika yang mana pengasingan kuasanya lebih jelas.

Seterusnya, cadangan Wan Saiful supaya semua undang-undang yang mendiskriminasi dibatalkan perlu dikupas dengan lebih lanjut supaya jelas sama ada pengertian diskriminasi itu sehingga menghalang peranan kerajaan membantu mana-mana golongan yang lemah atau sampai menidakan ciri-ciri penting sesuatu negara. Misalnya, adakah Wan Saiful bermaksud bahawa semua bahasa dalam dunia ini boleh digunakan apabila mengutus surat kepada jabatan kerajaan di Malaysia kerana konsep satu bahasa kebangsaan tidak boleh diamalkan sebab ianya bererti berlaku diskriminasi?

Tuntutan beliau supaya semua undang-undang terbatal selepas lima tahun kecuali jika ia dibentang dan diluluskan semula perlu difikirkan semula. Sedarkah Wan Saiful bahawa sebenarnya ada ratusan ribu undang-undang dan akta parlimen dan oleh itu mustahil bagi parlimen mempunyai masa untuk membentang semua ini setiap lima tahun? Saya mencadangkan bahawa adalah lebih praktikal sekiranya akta-akta yang terpilih, seperti akta-akta yang mungkin menyentuh hak asasi rakyat, dimestikan mempunyai '*sunset clause*' yang jelas.

Saya juga tertarik dengan penerimaan sistem Raja Berperlembagaan oleh Wan Saiful. Saya sependapat dengan beliau dalam hal ini. Cuma sikap beliau ini mungkin ditafsirkan sebagai penerimaan oleh beliau akan satu sistem feodal Melayu tradisi, iaitu Raja mutlak dan rakyat (hamba), yang dalam pergolakan sejarah akhirnya berubah kepada raja berperlembagaan dan rakyat yang merdeka. Walaupun demikian ciri-ciri tradisi raja dan rakyat sama ada secara simbolik melalui adat istiadat yang dikekalkan dan melalui perlembagaan yang menghalang institusi ini daripada dipersoalkan, masih wujud dan nampaknya Wan Saiful tidak membantah.

Persoalan utama yang dibincangkan oleh Wan Saiful dalam artikel ini ialah tentang ciri-ciri utama yang menjadi syarat untuk sesebuah negara itu menjadi sealiran dengan Islam. Ciri-ciri ini mengikut beliau ialah tidak ada perhambaan sesama manusia, liberalisme klasik, menghadkan kuasa dan tanggungjawab kerajaan, pengasingan kuasa, penurunan kuasa kepada kerajaan negeri, tidak ada sebarang bentuk diskriminasi, raja berperlembagaan dan parlimen yang terhad kuasa perundangan.

Kita sudah tentu sependapat dengan Wan Saiful tentang betapa pentingnya didalam Islam manusia tidak diperhambakan oleh manusia lain. Tetapi Islam seterusnya menegaskan bahawa ketiadaan perhambaan sesama manusia itu ialah kerana perhambaan manusia hanyalah kepada Tuhan. Untuk memastikan tidak wujud perhambaan sesama manusia, Islam meletakkan prinsip-prinsip tertentu didalam bidang ekonomi, undang-undang, sosial dan sebagainya.

Sebaliknya jika matlamat tiada perhambaan itu hanya ingin diwujudkan melalui prinsip manusia bebas, dan rangka perlembagaan pula mengawal dan menghadkan kuasa dan peranan institusi-institusi kerajaan, ianya boleh mencetuskan pula kuasa mutlak puak majoriti dalam bidang

politik dan monopoli kekayaan oleh kaum kapitalis dalam bidang ekonomi.

Wan Saiful mungkin berpandangan bahawa ciri-ciri ideologi seperti prinsip-prinsip Islam yang saya sebutkan itu tidak sesuai dimuatkan dalam perlembagaan kerana ianya akan mewarnai perlembagaan mengikut Islam. Mungkin jawapannya ialah bahawa kita mencadangkan hanya prinsip-prinsip umum Islam yang tidak menghadkan kebebasan agama lain diperlembagakan. Lagi pula kita boleh juga mengatakan bahawa cadangan Wan Saiful sendiri yang meletakkan liberalisme klasik sebagai syarat utama perlembagaan itu pun boleh dipersoalkan kerana istilah liberalisme itu sarat dengan implikasi penguasaan manusia yang mutlak terhadap semua perkara tanpa peranan Tuhan dan sistem nilai yang tetap.

PELANGGARAN PERLEMBAGAAN: DEMOKRASI DIPERMAINKAN

Tricia Yeoh

Dalam tulisan beliau, Wan Saiful menghujahkan bahawa falsafah Islam sememangnya menganjurkan kebebasan dan keadilan. Seterusnya beliau cuba menggariskan bagaimana falsafah tersebut boleh diterjemahkan dalam polisi negara, terutama dalam usaha memperkukuh perlembagaan dan institusi-institusi utama lain di Malaysia.

Tidak dapat dinafikan bahawa Islam dan agama-agama utama lain memang berpegang dengan prinsip bahawa semua manusia adalah setara dan semuanya mempunyai hak-hak universal yang sama. Tidak ada sesiapa yang boleh menafikan hak-hak kemanusiaan tersebut. Maka tidak hairanlah jika Islam menuntut agar manusia dibebaskan daripada segala bentuk penindasan kerana penindasan seolah-olah menafikan kebebasan yang dianugerahkan Tuhan kepada makhluk-Nya.

Berdasarkan kefahaman tersebut, kita boleh mengatakan bahawa Islam serasi sepenuhnya dengan demokrasi. Prinsip-prinsip asas demokrasi dan juga prinsip-prinsip Islam yang tulen memang selaras. Demokrasi mengatakan bahawa keredhaan rakyat adalah merupakan prinsip utama dalam menentukan autoriti dan legitimasi pemerintah. Inilah perkara pokok yang diutarakan oleh Wan Saiful melalui penulisan beliau.

Sebenarnya keserasian antara demokrasi dan Islam bukanlah perkara baru. Tetapi, apa yang perlu kita sama-sama teliti ialah pelaksanaan dan realisasi semangat demokrasi dalam masyarakat kita di Malaysia.

Hakikatnya, Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang sedia ada merupakan asas dalam memastikan kebebasan asasi rakyat. Memang inilah peranan perlembagaan. Oleh kerana Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi dalam negara kita, maka semua akta dan peraturan lain mestilah tertakluk kepada semangat dan prinsip-prinsip yang digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan tersebut. Malahan, Fasal 4.1 Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyebut bahawa "*mana-mana undang-undang yang dibuat selepas daripada hari Merdeka, yang bertentangan dengan perlembagaan ini, maka setakat mana pertentangannya di situlah terbatalnya undang-undang itu.*"

Malangnya, hari ini kita melihat betapa terdapat akta-akta yang jelas bertentangan dengan semangat Perlembagaan Persekutuan tetapi seolah-olah tidak dihiraukan oleh pemerintah. Kita sepatutnya tegas berdiri mempertahankan Perlembagaan yang merupakan batu asas kepada sejarah dan kenegaraan Malaysia.

Perlembagaan Persekutuan jelas sekali tidak membenarkan apa jua bentuk diskriminasi, baik diskriminasi bangsa, agama, jantina, afiliasi politik dan sebagainya. Maka hujah Wan Saiful bahawa apa-apa akta atau polisi yang mendiskriminasi sepatutnya dengan sendirinya terbatal kerana ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan memang tepat.

Tidak sepatutnya ada mana-mana bangsa atau agama yang dianggap lebih mulia atau lebih tinggi daripada yang lain. Ini juga merupakan prinsip asas demokrasi dan jelas sekali berteraskan keadilan Islam. Di dalam khutbah terakhir Nabi Muhammad S.A.W. sebelum beliau wafat, beliau berkata "Seorang berkulit putih tidak lebih baik daripada orang

berkulit hitam. Seorang berkulit hitam tidak lebih baik daripada orang berkulit putih. Kesemuanya sama. Yang menjadi garis perbezaan di antara mereka adalah perbuatan baik dan adil.”

Wan Saiful juga menyatakan bahawa akta-akta yang telah usang perlu dinilai semula berdasarkan perkembangan terkini. Saya kira ini termasuklah juga polisi-polisi ekonomi Malaysia yang telah lari daripada maksud asalnya.

Dasar Ekonomi Baru (DEB), contohnya, mula diperkenalkan pada tahun 1971 untuk menyelesaikan perselisihan antara kaum di Malaysia. Dua matlamat utama DEB ialah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira bangsa, dan menstrukturkan semula masyarakat agar pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dapat dihapuskan. Kedua-dua matlamat ini memang baik dan amat diperlukan pada masa tersebut.

Bagaimanapun, sejak DEB mula diperkenalkan, dan oleh kerana sasaran-sasaran yang ditetapkan tidak dapat dicapai dalam jangka waktu yang sepatutnya, polisi tersebut diubahsuai menjadi Dasar Pembangunan Negara dan seterusnya Dasar Wawasan Negara. Namun, prinsip-prinsip utama masih terus dikekalkan, termasuklah dasar "*affirmative action*" untuk membantu bangsa Melayu dan lain-lain kaum Bumiputra.

Dalam agama-agama Abrahamik, termasuklah juga agama Islam, konsep keadilan merujuk kepada mempertahankan dan melindungi hak-hak mereka yang tidak berkuasa, tertindas dan tidak berkemampuan. Malahan, antara perjuangan pertama Nabi Muhammad S.A.W di Makkah ialah untuk menolong orang-orang miskin dan kurang upaya daripada kekejaman sistem diskriminasi dan riba' yang telah menindas mereka.

Pada tahun 1971, masyarakat Malaysia boleh diklasifikasikan kepada dua kumpulan – mereka yang berkemampuan

biasanya terdiri daripada golongan bukan Bumiputra, manakala mereka yang tidak berkemampuan pula secara umumnya adalah golongan Bumiputra. Maka, pada waktu itu, keadilan dilihat terlaksana apabila pemerintah berusaha mempertingkatkan kedudukan sosio-ekonomi golongan Bumiputra yang memang memerlukan bantuan. Ini penting untuk mengurangkan jurang sosio-ekonomi antara kaum. Usaha ini boleh dikatakan telah berjaya kerana kini bilangan Bumiputra profesional hampir-hampir menyamai bilangan profesional bukan Bumiputra³ dan kadar peningkatan jumlah profesional Bumiputra juga lebih cepat berbanding dengan profesional bukan Bumiputra⁴.

Hari ini, walaupun terdapat perdebatan mengenai pemilikan saham ekuiti korporat di Malaysia (yang sebenarnya hanya merekodkan pemilikan oleh mereka yang kaya dalam masyarakat dan tidak mengambil kira indikator lain seperti mobiliti ekonomi dan peluang), dikotomi kaya-miskin tidak lagi boleh dibuat secara mudah melalui pembahagian kaum, atau pembahagian Bumiputra-bukan Bumiputra. Sebaliknya, dikotomi kaya-miskin kini lebih sesuai dianggap sebagai perbezaan atau jurang antara kelas sosio-ekonomi dan kemampuan tanpa berdasarkan kaum.

Sekiranya kita mahu memastikan keadilan benar-benar terlaksana pada masa kini, maka pemerintah perlu membantu semua pihak yang memerlukan bantuan tanpa mengira batasan kaum, baik Bumiputra mahupun bukan.

³ Pada tahun 2005, jumlah profesional Bumiputra ialah 42,414 orang (38.8% daripada jumlah keseluruhan) berbanding profesional berbangsa Cina seramai 53,297 orang (48.7% daripada jumlah keseluruhan), perbezaan yang tidak sampai pun 10%. Sumber: Rancangan Malaysia ke-9 (2006), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

⁴ Jumlah profesional Bumiputra meningkat sebanyak 44% dari 2001-2005, manakala jumlah profesional bukan Bumiputra sebanyak 25.6% dalam masa yang sama. Sumber: Rancangan Malaysia ke-9 (2006), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

Dasar Wawasan Negara akan menjadi lebih tepat dan lebih berkemampuan mencapai matlamat jika ia mengambil pendekatan sebegini. Sebaliknya, menolak pendekatan yang lebih adil ini boleh menjadi satu bentuk diskriminasi kerana kaum bukan Bumiputra akan menerima layanan yang tidak setara walaupun ada di kalangan mereka yang perlu dibantu. Pengharmonian semangat Perlembagaan Persekutuan dengan polisi-polisi negara hanya akan berlaku sekiranya diskriminasi dalam apa jua bentuk dihapuskan.

Dalam artikel beliau Wan Saiful mengatakan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ialah satu akta yang tidak lagi relevan dengan suasana Malaysia hari ini. Sebenarnya ada lagi akta-akta lain yang perlu diteliti semula. Akta Rahsia Rasmi (OSA) ialah akta yang diwarisi daripada zaman penjajahan dan pada waktu itu ia diperlukan untuk menjaga keselamatan dan rahsia negara daripada ancaman asing.

Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) pula menghalang kebebasan mahasiswa dalam kegiatan politik dan semakin tidak relevan dengan suasana sekarang. Semua akta ini jelas bertentangan dengan hak kebebasan bersuara dan memberi pandangan, seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. ISA, OSA dan AUKU semuanya perlu dirungkai dan dinilai semula.

Pemisahan yang jelas antara kuasa Eksekutif, Kehakiman dan Legislatif merupakan ciri penting dalam masyarakat demokratik. Tirani majoriti yang disebut oleh Wan Saiful sebenarnya kini semakin ketara di Malaysia jika kita meneliti apa yang berlaku kepada institusi Kehakiman dan Legislatif negara kita. Kedua-dua institusi ini semakin lama semakin lemah.

Pemusatan kuasa yang keterlaluan membuatkan Kabinet dan Perdana Menteri menjadi terlalu berkuasa. Ini membahayakan demokrasi kerana suara dan kuasa rakyat dirampas dan dipegang oleh beberapa individu tertentu

sahaja. Kuasa dan legitimasi pemerintah sepatutnya lahir daripada keredhaan rakyat, bukan melalui pemusatan kuasa.

Dalam sesebuah negara yang membela rakyat, rakyat seharusnya diberikan lebih banyak suara dalam urusan pemerintahan. Proses membuat keputusan dan polisi negara juga mestilah menggambarkan status rakyat sebagai elemen penting dalam penentuan polisi. Untuk mencapai matlamat ini, Wan Saiful mencadangkan konsep devolusi atau desentralisasi kuasa, agar negeri-negeri diberikan lebih banyak kebebasan dalam menentukan arah tuju mereka.

Konsep devolusi dan desentralisasi kuasa ini, walaupun pada pandangan Wan Saiful adalah merupakan satu konsep Islam, masih agak asing bagi Malaysia. Apa yang berlaku di tanah air kita ialah kerajaan pusat mengumpulkan hampir semua agensi-agensi kerajaan di bawah seliaan Putrajaya.

Pemusatan kuasa ini ialah satu langkah kebelakang dan amat berbeza dengan apa yang berlaku di negara-negara maju. Di United Kingdom contohnya, kerajaan pusat mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengagihkan kuasa keluar daripada London. Dengan itu, keputusan dan polisi kerajaan menjadi lebih holistik, lebih hampir dengan rakyat, dan tidak eksklusif.

Kita boleh melihat bahawa tema utama artikel Wan Saiful ialah mempertahankan kebebasan dan keadilan. Beliau mengatakan bahawa inilah yang dituntut oleh Islam. Hanya perlembagaan yang membebaskan manusia daripada perhambaan sesama manusia sahaja yang boleh memberikan keadilan hakiki kepada rakyat.

Perlembagaan yang baik akan memberikan hak kepada rakyat untuk menggunakan akal fikiran yang dianugerahkan oleh Pencipta dalam menilai sesuatu perkara, dan dalam memberikan legitimasi kuasa pentadbiran kepada pemerintah.

Perlembagaan yang baik tidak akan mendiskriminasi rakyat, sebaliknya ia akan mengangkat martabat dan maruah rakyat ke tahap yang sepatutnya. Perlembagaan yang baik akan memastikan prinsip-prinsip asas demokrasi terus terlaksana dan dipertahankan. Perlembagaan Persekutuan kita mestilah ditafsir dalam semangat yang sedemikian dan Malaysia mesti terus berusaha mencapai matlamat tersebut.

RAKYAT MESTI MEMBUAT PILIHAN

Khoo Kay Peng

Tatkala Malaysia menyambut ulang tahun ke-50 kemerdekaan, rakyat Malaysia masih lagi bergelumang dengan isu-isu yang membabitkan identiti nasional, keluhuran perlembagaan, kekuatan institusi-institusi demokrasi, kredibiliti ahli politik parti pemerintah, dan pelbagai lagi persoalan sosial, kebudayaan dan agama.

Malahan, kita boleh mengatakan bahawa semakin dewasa negara kita, semakin banyak pula kebebasan individu, proses demokrasi dan kebebasan yang hilang dan dirosakkan. Ini merupakan perkembangan yang menyedihkan.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Wan Saiful, sebuah perlembagaan yang baik tidak akan memaksa rakyat untuk menerima atau mengamalkan sesuatu fikrah atau ideologi. Kita tidak boleh menafikan bahawa di sesetengah negara, kuasa kerajaan ada yang digunakan untuk untuk memaksa rakyat menerima fahaman tertentu. Kerajaan-kerajaan tersebut tidak boleh menerima perbezaan pandangan, bantahan rakyat, ataupun kepelbagaian pendapat.

Pelbagai pindaan yang signifikan telah dibuat terhadap Perlembagaan Persekutuan sehingga terdapat hak-hak fundamental rakyat yang telah dikorbankan atas nama memelihara kestabilan dan keamanan sosial. Ini amat membimbangkan. Akibatnya, hari ini isu-isu membabitkan bangsa, agama, hak istimewa bumiputera, dan kedudukan

Raja-Raja menjadi isu yang tidak boleh dibahaskan secara terbuka. Ahli politik dengan bebasnya menggunakan isu-isu sensitif ini untuk melindungi diri mereka dan beberapa tindakan korup dan salah guna kuasa mereka daripada dipersoalkan.

Ada pemerhati yang berpandangan bahawa sebuah masyarakat pelbagai kaum dan pelbagai agama tidak boleh dihalang daripada membicarakan isu-isu ini. Salah faham pasti akan berlaku jika dialog yang tulen tidak diusahakan untuk membina persahabatan dan persefahaman.

Bagaimanapun, sistem politik berasaskan kaum di Malaysia menyebabkan isu-isu sensitif hampir mustahil untuk diperdebatkan. Jika kita cuba membincangkan isu-isu ini, pasti akan ada ahli politik yang mengambil kesempatan untuk menaikkan semangat perkauman. Maka, setelah 50 tahun negara kita merdeka, kita masih lagi tidak dapat membina sebuah asas sosial yang kukuh, berteraskan semangat persefahaman bersama dan kesaksamaan. Malaysia masih lagi bergelut dalam mencari satu identiti nasional yang dikongsi oleh semua.

Bagi saya, salah satu sumber identiti nasional ini mestilah lahir daripada penerimaan mutlak Perlembagaan Persekutuan. Inilah undang-undang tertinggi negara kita. Semua bangsa di negara kita terlibat dalam proses menghasilkan Perlembagaan Persekutuan. Dan Perlembagaan Persekutuan juga telah diterima oleh semua bangsa.

Semangat Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf kepelbagaian bangsa di Malaysia, dan pada masa yang sama turut mengiktiraf kedudukan rakyat majoriti yang beragama Islam.

Semua bangsa bersetuju bahawa agama memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka, dan ini digambarkan dalam Rukunegara – Kepercayaan Kepada

Tuhan. Bagaimanapun, pentafsiran perlembagaan yang tidak berdasarkan agama juga turut diiktiraf, dan ini memberi jaminan hak-hak rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa atau agama.

Kita melihat sejak kebelakangan ini terdapat beberapa pemimpin tertinggi parti pemerintah secara unilateral mempersoalkan semangat sebenar di sebalik Perlembagaan Persekutuan. Timbalan Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Razak, contohnya, baru-baru ini mengumumkan bahawa Malaysia bukanlah sebuah negara sekular⁵. Sebaliknya, beliau mengatakan bahawa Malaysia ialah sebuah negara Islam.

Kenyataan sebegini merupakan satu kejutan bagi rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam. Ramai yang bimbang bahawa kenyataan tersebut akan membawa kepada proses Islamisasi meluas yang ditaja oleh kerajaan secara terang-terangan.

Jika kita teliti, sebenarnya kenyataan tersebut adalah ironik kerana Barisan Nasional (BN) disokong oleh rakyat hasil daripada kebolehan mereka mewujudkan imej representasi masyarakat pelbagai bangsa melalui parti-parti komponen dalam BN.

Saya boleh faham kenapa Wan Saiful memberi amaran kepada kita mengenai bahaya tirani majoriti. Sistem pilihanraya *'first-past-the-post'* yang kita amalkan membolehkan pemenang menguasai segala-galanya. Maka, tidak wujud perwakilan yang bersekadar (*proportionate representation*) di parlimen. Pemerintah yang mempunyai majoriti yang cukup boleh melaksanakan kehendak majoriti, dan juga menafikan kehendak minoriti jika mereka mahu.

Wan Saiful menyatakan bahawa perlembagaan yang selaras dengan nilai-nilai Islam mestilah menghalang penafian hak

⁵ <http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news.php?id=273698>

golongan minoriti dan juga menghalang percubaan untuk memaksa mana-mana individu mengikut kehendak golongan majoriti.

Wan Saiful juga menyatakan bahawa sistem kehakiman dan parlimen mestilah memainkan peranan dalam mempertahankan kesucian dan keulungan perlembagaan, dalam rangka menghalang tirani majoriti. Sepanjang dua dekad yang lalu, Malaysia melalui satu era yang mana kuasa eksekutif amat kuat sehingga menenggelamkan parlimen dan juga kehakiman. Sepanjang dua dekad tersebut, beberapa 'serangan' telah juga dilakukan oleh pihak eksekutif terhadap ahli-ahli sistem kehakiman dan parlimen.

Beberapa hakim yang berfikiran independen dikeluarkan secara paksa atau dipecat. Ada juga ahli parlimen pembangkang yang ditahan dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang drakonian. Akta ini membenarkan penahanan tanpa perbicaraan. Serangan-serangan ini, seperti yang dikatakan oleh Wan Saiful, memang tidak Islamik dan telah merosakkan konsep pengasingan kuasa di Malaysia.

Saya menyokong cadangan Wan Saiful supaya institusi-institusi ini dikembalikan. Kita memerlukan institusi-institusi ini untuk memastikan ada sekatan dan imbalan (check and balance) yang menjaga kesempurnaan demokrasi di Malaysia.

Saya juga gembira dengan kenyataan beliau bahawa nilai-nilai Islam yang sebenar pasti tidak membenarkan pemangsaan dan penghambaan sesama manusia.

Walaupun begitu, saya mungkin tidak berkongsi keyakinan beliau bahawa perkara-perkara ini boleh dicapai dengan mudah di Malaysia melainkan jika rakyat negara ini bersungguh-sungguh dalam memilih jalan yang betul. Untuk mencapai sebuah Malaysia yang sejahtera, kita semua mesti berusaha sepenuh hati untuk hidup bersama dengan

harmoni. Jika tidak, 50 tahun lagi Malaysia akan tetap kekal sebagai koloni-koloni bangsa yang berbeza dan kita tetap tidak dapat menikmati kebebasan yang sebenar.

MALAYSIA THINK TANK LONDON

Malaysia Think Tank London ialah sebuah badan pengkaji yang berpusat di London, United Kingdom. Ditubuhkan pada tahun 2006 dan berdaftar di England & Wales (nombor pendaftaran: 05980232), Malaysia Think Tank London berfungsi sebagai sebuah badan bukan kerajaan yang bebas dan non-partisan.

Operasi Malaysia Think Tank London dibiayai oleh sumbangan daripada pelbagai pihak.

Misi Malaysia Think Tank London ialah untuk menjadi pencetus perubahan jangka panjang di Malaysia melalui pendidikan umum mengenai tanggungjawab peribadi, keluhuran undang-undang dan penyelesaian yang berdasarkan sistem pasaran.

Malaysia Think Tank London meyakini bahawa prinsip-prinsip yang diterokai oleh tokoh pemikir seperti Ibn Khaldun dan Friedrich Hayek – tanggungjawab peribadi, keluhuran undang-undang dan penyelesaian yang berdasarkan sistem pasaran – adalah pra-syarat untuk melahirkan sebuah masyarakat dan tamadun yang gemilang.

Alamat perhubungan:

Malaysia Think Tank London
Suite 112, 456 – 458 Strand
London WC2R 0DZ
United Kingdom

Web: www.malaysiathinktank.org
Email: info@malaysiathinktank.org

**Siri Wacana Malaysia (*Malaysia Discourse Series*)
diterbitkan oleh Malaysia Think Tank London.**

www.malaysiathinktank.org